

## Eksperimen : Microsoft Access XP – Mengecilkan Saiz Database

### Pengenalan


Kadang-kadang, kita perlu mengecilkan saiz 'database' untuk tujuan tertentu. Contohnya, jika kita ingin menghantar fail tersebut kepada pensyarah untuk *assignment* dan lain-lain.

Beruntunglah mereka yang mempunyai kemampuan untuk *burn* dalam CD-R atau CD-R/W tetapi bagi anda yang kurang berkemampuan, mungkin boleh mencuba cara ini.

### Kaedah

#### 1. Menggunakan Utility Compact And Repair Database

- Buka fail 'database'.
- Pilih Tools > Database Utilities > Compact and Repair Databases...




Dalam eksperimen kali ini, saya telah membuka fail format **Access 2000** bersaiz 276 KB dan setelah di'compact'kan, saiz fail menjadi 172 KB.

#### 2. Menggunakan Utility Convert Database

Walaupun saiz fail menjadi 172 KB, saya masih lagi kurang berpuas hati. Kemudiannya, saya 'convert' format 'database' asal iaitu **Access 2000** kepada **Access 97**.

- Tools > Database Utilities > Convert Database > To Access 97 File Format...




Seperti yang anda maklum, terdapat fungsi-fungsi khusus **Access 2000** tidak lagi dapat digunakan kerana anda telahpun menukarnya kepada **Access 97**. Bagaimanapun, dengan menggunakan fail yang bersaiz 172 KB tadi – saiz fail setelah di'convert' kepada format **Access 97** ialah sebanyak 88 KB sahaja !

### 3. Menggunakan perisian Winzip

Dengan perisian **Winzip**, saya cuba mengecilkan lagi fail format **Access 97** yang bersaiz 88 KB tadi supaya menjadi lebih kecil lagi.

- Klik kanan pada fail 'database' dan pilih *Add To Zip*
- 'Set' *Compression* kepada *Maximum (slowest)*




Sangat menakjubkan ! Saiz fail sekarang hanyalah 8 KB. Bandingkanlah – hasil akhir 8 KB dengan 276 KB iaitu saiz asal 'database' tersebut.

**Pemerhatian**

Carta di bawah menunjukkan perbezaan saiz fail mengikut format dan kaedah dan saiz fail yang ditunjukkan dalam ukuran KB.

Jelas di sini, hasil akhir iaitu **Mampatan Fail Access 97** ialah 8 KB dibandingkan dengan saiz asal iaitu dalam format **Microsoft Access 2000** iaitu 276 KB iaitu lebih kurang 2.9% daripada saiz asal fail tersebut.



**Kesimpulan**

1. Anda boleh menggunakan teknik-teknik di atas sama ada salah satu daripadanya atau kesemuanya sekali mengikut langkah-langkah yang telah dinyatakan di atas mengikut keperluan anda
2. Perisian **Winzip** adalah *shareware*. Anda haruslah mempunyai perisian ini di komputer anda untuk mengikuti kaedah **Utility Winzip** di atas
3. **Winzip** bukanlah satu-satunya perisian pemampat yang ada di pasaran. **Microsoft Windows XP** sendiri menawarkan fungsi 'built-in' untuk memampatkan dan menyahmampat mana-mana fail atau dokumen. Anda boleh bereksperimen dengan program pemampat lain dengan format-format lain seperti ARJ, TAR dan GZ mahupun TGZ untuk mendapatkan pemampatan fail yang paling efisien dengan keperluan anda.
4. Setelah dimampatkan, fail mampatan hendaklah dibuka dengan perisian nyahmampat yang sesuai. Ini kerana, **Microsoft Access** (mana-mana versi) tidak dapat membaca secara terus fail format mampatan seperti ZIP, ARJ, TAR dan lain-lain.